



## 2.0 PELAKSANAAN DASAR PEMBANGUNAN

### 2.1 DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

Penyediaan pelan induk landskap ini akan berpandukan kepada dasar-dasar dan strategi yang digubalkan di peringkat nasional, negeri dan tempatan. Di antara dasar-dasar yang akan diambil kira termasuklah Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Sosial Negara, *National Key Result Area* (NKRA) dan Dasar Perbandaran Negara. Di samping itu, dasar-dasar dan strategi-strategi serta cadangan-cadangan Rancangan Struktur Negeri Kelantan dan Draf Rancangan Tempatan Daerah Pasir Mas juga diambil kira. Dasar-dasar tersebut akan diterjemahkan ke dalam bentuk ruang (*spatial*) dan reka bentuk.

#### 2.1.1 Rancangan Fizikal Negara

Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan suatu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar-dasar strategik bagi menentukan hala tuju pemajuan fizikal dan pemuliharaan bagi seluruh Semenanjung Malaysia. RFN ini telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara pada 26 April 2005.

RFN telah mengadaptasikan *Strategy Of Selective Concentration* di mana tumpuan pembangunan hanya akan berlaku di konurbasi utama yang juga merupakan pusat pertumbuhan utama. Fokus pembangunan adalah bagi pusat bandar utama iaitu ibu negeri dan kawasan pertumbuhan bandar yang terpilih dan telah dikenal pasti.

Matlamat penyediaan RFN adalah untuk mewujudkan satu rangka kerja pembangunan yang mampan, cekap dan saksama serta memandu seluruh pembangunan negara ke arah mencapai negara maju yang berdaya saing menjelang tahun 2020. 5 prinsip telah digariskan dalam RFN adalah seperti berikut:-

- i. Mengoptimalkan penggunaan tanah dan sumber alam.
- ii. Menggalakkan kesedaran alam sekitar dan kualitinya.
- iii. Menggalakkan kesaksamaan pembangunan wilayah.
- iv. Mewujudkan Malaysia yang berdaya saing di peringkat global.

- v. Meningkatkan kualiti kehidupan.

Sehubungan itu, RFN perlu dijadikan panduan perancangan fizikal dan dilaksanakan di peringkat persekutuan dan negeri di seluruh Semenanjung Malaysia, dan seterusnya:

- i. Setiap dasar RFN perlu diselaraskan dengan dasar-dasar sektoral lain yang berkaitan.
- ii. Cadangan-cadangan RFN perlu diperincikan di peringkat Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan untuk menjadi asas pembangunan bagi semua negeri.
- iii. Cadangan-cadangan RFN perlu dijadikan panduan oleh agensi persekutuan dan negeri dalam pembentukan program dan projek Rancangan Malaysia Lima Tahun.

#### 2.1.2 Fungsi Rancangan Fizikal Negara

- i. Mengukuhkan perancangan negara melalui dimensi ruang-ruang dalam polisi ekonomi negara.
- ii. Menyelaras agensi sektoral melalui penyediaan peruntukan ruang-ruang dalam polisi sektoral.
- iii. Membentuk rangka kerja untuk perancangan di peringkat negeri dan tempatan.
- iv. Membentuk polisi perancangan fizikal.

#### 2.1.3 Dasar-dasar Utama Rancangan Fizikal Negara

Dasar-dasar utama RFN yang berkaitan dengan penyediaan kajian pelan induk landskap adalah seperti berikut:

- i. **Dasar Rancangan Fizikal Negara 1** – Berperanan untuk mencapai perancangan guna tanah bersepadu dan mampan di negara ini.



- ii. **Dasar Rancangan Fizikal Negara 2** – Tanah dan sumber asli di wilayah yang kurang maju digunakan secara mampan bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan ketidakseimbangan wilayah. Kawasan sumber asli yang berpotensi untuk pelancongan semula jadi akan dipelihara dan dikomersialkan.
- iii. **Dasar Rancangan Fizikal Negara 3** – Zon pembangunan pelancongan perlu menumpukan kepada pakej produk pelancongan yang berbeza untuk memaksimumkan kekuatan lokasi dan sumber masing-masing.
- iv. **Dasar Rancangan Fizikal Negara 4** - Bandar berciri khas perlu dikenal pasti dan pembangunan projek yang mengeksploitasikan ciri-ciri berkenaan perlu disokong dengan infrastruktur yang bersesuaian.
- v. **Dasar Rancangan Fizikal Negara 5** – Bandar kecil dan sederhana perlu dibangunkan mengikut potensi setempat.
- vi. **Dasar Rancangan Fizikal Negara 6** – Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) perlu dikukuhkan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bagi penduduk luar bandar.
- vii. **Dasar Rancangan Fizikal Negara 7** – Kawasan sensitif alam sekitar perlu diintegrasikan di dalam perancangan dan pengurusan guna tanah dan sumber semula jadi bagi memastikan pembangunan mampan.

#### 2.1.4 Dasar dan Strategi Pembangunan di Peringkat Nasional dan Wilayah

##### i. **Dasar Pembangunan Nasional**

Dasar Pembangunan Nasional merupakan interpretasi daripada Dasar Ekonomi Baru yang diwujudkan sebelum ini bagi sistem pembangunan di Malaysia. Dasar Pembangunan Nasional memberi fokus kepada memperkukuhkan kestabilan negara dari segi ekonomi, sosial dan politik melalui pembangunan bandar dan luar bandar, menjadi negara maju dan mengukuhkan keadilan sosial, nilai serta meningkatkan penggunaan sains dan teknologi dalam mencapai pembangunan mampan.

##### ii. **Dasar Sosial Negara**

Dasar Sosial Negara (DSN) adalah satu dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap. Objektif umum Dasar Sosial Negara adalah menjamin setiap individu, keluarga dan masyarakat tanpa mengira kumpulan etnik, agama, budaya, gender dan fahaman politik serta wilayah dapat menyertai dan memberi sumbangan kepada arus pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan.

##### iii. **National Key Result Area (NKRA)**

Dasar-dasar kerajaan lain yang telah dikenal pasti dan diguna pakai turut diambil kira di dalam kajian ini termasuklah polisi 1Malaysia, dengan slogan “**Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan**”. Selain itu, pelaksanaan dasar kerajaan untuk memastikan segala projek kerajaan perlu mensasarkan kepada **National Key Result Area (NKRA)** iaitu, mengurangkan kadar jenayah, memerangi rasuah, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman, serta menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana.

#### 2.1.5 Dasar Perbandaran Negara

Dasar Perbandaran Negara adalah satu pernyataan bertulis yang menggariskan perkara-perkara teras, dasar dan langkah-langkah bagi memandu, mengurus dan menyelaras perancangan dan pembangunan bandar supaya lebih efisien dan sistematik bagi memastikan pencapaian matlamat menjadikan negara maju menjelang tahun 2020. Dasar Perbandaran Negara akan dijadikan teras utama dalam semua aktiviti perancangan dan pembangunan bandar di Semenanjung Malaysia termasuk penyediaan rancangan pemajuan di peringkat negeri dan tempatan. Dasar ini akan menggariskan perkara-perkara teras, dasar-dasar,



langkah-langkah dan pelan tindakan pelaksanaan bagi menyelaraskan dan mengurus perbandaran negara.

**2.1.6 Rancangan Struktur Negeri Kelantan**

Dasar-dasar utama RFN yang berkaitan dengan penyediaan kajian pelan induk landskap adalah seperti berikut:

**Jadual 2.1 :** Dasar berkaitan landskap dan rekreasi dalam rancangan struktur.

	Dasar Rancangan Struktur	Tindakan
DS-AS12	Mengekal kawasan-kawasan pantai dan kawasan sumber marin dalam keadaan semula jadi dan menambah nilai estetika supaya sesuai dimajukan untuk pelancongan, rekreasi, pendidikan dan pembiakan sumber laut.	Jajahan Pasir Mas tidak mempunyai pantai tetapi mempunyai sungai dan tasik. Kawasan pesisiran sungai dan tasik merupakan salah satu elemen landskap semula jadi yang perlu dipelihara dan dipulihara agar ia mampu memberikan impak dari segi ekosistem dan persekitaran yang mampan serta menaikkan sumber rekreasi dan landskap negeri Kelantan.
DK-AS11	Memelihara dan mengekal ciri-ciri warisan geologi dan landskap.	Sumber geologi dan landskap semula jadi merupakan salah satu dari harta dan warisan kepunyaan negeri dan penduduknya. Dengan mengekalkan ciri-ciri warisannya, ia bukan sahaja memberikan sumber kehidupan kepada organisma setempat malah mampu menjana ekonomi dan menjadi daya tarikan pelancong dalam dan luar negeri.

DU-KMR1	Mewujudkan dan menyediakan kemudahan masyarakat, sukan dan rekreasi berdasarkan kepada jenis pusat petempatan dan bilangan penduduk bagi mewujudkan persekitaran kemudahan yang mencukupi, lebih berkualiti, dan selasa.	Dasar ini memastikan semua kemudahan sukan dan rekreasi disediakan berpandukan kepada keperluan penduduk kawasan petempatan tersebut. Ia membezakan keperluan penduduk di kawasan petempatan yang besar dan penduduk di kawasan petempatan yang kecil. Ini dapat memastikan penduduk dapat memperolehi kemudahan yang setara dan mencukupi.
DU-KMR3	Taman rekreasi awam akan dibangunkan secara berintegrasi dan komprehensif dengan gabungan kemudahan rekreasi hierarki rendah sehingga rekreasi hierarki tinggi ke arah melahirkan masyarakat sihat dan sejahtera.	Menggabungkan dua hierarki taman rekreasi memberikan kesan yang baik kepada persekitaran taman tersebut serta memberikan kemudahan menyeluruh kepada pengunjung.
DU-KMR4	Mempertingkatkan kemudahan sokongan yang lebih efisien dan komprehensif bagi memberi kemudahan kepada orang ramai untuk berkunjung ke kawasan rekreasi dan sekitarnya dengan selesa dan mudah.	Kemudahan sokongan seperti perabot taman, tandas, kemudahsampaian dan lain-lain merupakan penentu pencapaian sesebuah taman rekreasi itu.
DU-KMR5	Mempertingkatkan fungsi dan peranan badan pelaksana bagi menyelenggara kemudahan rekreasi dan sukan melalui kerjasama antara pihak swasta dan kerajaan bagi mewujudkan penyelenggaraan yang lebih sempurna dan sistematik.	Dasar ini memberikan satu tanggungjawab yang khusus kepada pihak yang tertentu untuk memastikan taman-taman rekreasi sentiasa berada dalam keadaan yang baik.
DK-KMR6	Mewujudkan kemudahan sukan dan rekreasi secara komprehensif yang meliputi pelbagai peringkat dan fungsi bagi melahirkan pembangunan sukan dan rekreasi yang seimbang dan adil untuk semua golongan masyarakat.	



**2.1.7 Draf Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Mas**

Terdapat beberapa tema pembangunan telah dibentuk dalam Draf Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Mas dan ada kaitan dengan pembangunan landskap di jajahan Pasir Mas. Antaranya adalah seperti berikut :

**Jadual 2.2 :** Tema pembangunan landskap dan strategi yang digunakan untuk mencapai tujuan tersebut

No.	Tema	Strategi Pembangunan Rekreasi
1	Pembangunan Guna Tanah Mampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan kawasan persekitaran sungai dan paya bakau sebagai satu ruang rekreasi utama penduduk sekitar tanpa merosakkan alam semula jadinya serta mampu melindungi kawasan di sekitarnya dari kemusnahan akibat bencana alam seperti banjir.</li> <li>Menyediakan kawasan rekreasi dan kawasan lapang yang sesuai dengan keperluan pengguna setempat dengan mengutamakan lokasi dan keadaan persekitarannya terutama kawasan yang berhampiran dengan kawasan petempatan dan kawasan tumpuan ramai.</li> <li>Mewujudkan rangkaian pembangunan landskap yang berterusan berasaskan pada keperluan semasa pengguna serta mengimbangkannya dengan keperluan alam sekitar.</li> <li>Memastikan kawasan-kawasan pelancongan di kawasan yang mempunyai nilai alam sekitar yang tinggi seperti di kawasan tasik, danau dan sungai direka bentuk sebagai pemangkin dalam menghubungkan manusia dan alam sekitar.</li> </ul>
2	Pembangunan Pelancongan Kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan kemudahan kawasan rekreasi dan landskap yang bercirikan jajahan Pasir Mas untuk keperluan penduduk setempat serta berupaya menjadi kawasan anjuran untuk acara-acara bermusim yang sinonim dengan budaya setempat sebagai penarik kepada kawasan ini.</li> <li>Menaik taraf beberapa taman rekreasi sedia ada dengan imej tersendiri dan aktiviti yang unik serta keluasan yang sesuai supaya mempunyai kemampuan untuk menampung keperluan pengguna setempat dan pelancong luar.</li> <li>Mewujudkan kawasan-kawasan rekreasi pinggir air sebagai satu daya tarikan baru dan aset yang dapat menarik pelancong dalam dan luar negara.</li> <li>Menyediakan landskap lembut dan kejur yang sesuai</li> </ul>

		<p>dengan suasana persekitaran dan imej jajahan Pasir Mas sebagai daya penarik kepada kawasan tersebut serta dapat meningkatkan kualiti pemandangannya.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan kualiti kemudahan asas di kawasan rekreasi supaya dapat memenuhi kehendak pengguna setempat dan pelancong luar.</li> <li>Memastikan setiap kemudahan rekreasi disediakan untuk masyarakat setempat serta mengambil kira keperluan pelbagai golongan masyarakat dan peringkat umur bagi perancangan rekreasi dan kawasan lapang.</li> <li>Menyediakan satu perancangan yang bertepatan dengan keperluan setempat dan sektor pelancongan rekreasi terutama di kawasan penempatan dan perbandaran dengan memastikan kualiti alam semula jadi kawasan tersebut terpelihara.</li> </ul>
3	Pembangunan Komuniti Sejahtera	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan kemudahan rekreasi dan sukan seperti taman rekreasi dan gelanggang sukan untuk setiap pusat petempatan utama supaya keperluan penduduk setempat dan sekitarnya dapat dipenuhi.</li> <li>Mewujudkan lebih banyak kawasan rekreasi dan sukan berskala kecil untuk kawasan-kawasan petempatan kecil dan desa yang tidak mempunyai kemudahan tersebut untuk menggalakkan lagi aktiviti sihat di kalangan penduduk kawasan tersebut.</li> <li>Memastikan setiap kemudahan seperti gelanggang dan taman permainan sedia ada di perbaiki dan dinaik taraf untuk memastikan aktiviti-aktiviti sosial yang sihat terus berkembang dan mengurangkan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah.</li> </ul>

**2.1.8 Akta-akta Berkaitan**

Terdapat beberapa akta-akta berkaitan yang boleh dijadikan panduan dalam penghasilan Pelan Induk Lanskap Majlis Daerah Pasir Mas.

- i. **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)** – Menurut peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (seksyen 34 A), sebelum sesiapa hendak menjalankan sebarang aktiviti, hendaklah mendapatkan kelulusan pihak berkuasa bagi menjalankan aktiviti itu, mengemukakan suatu laporan kepada Ketua Pengarah (Jabatan Alam Sekitar). Aktiviti tersebut tidak boleh dijalankan sehingga laporan itu dikemukakan dan diluluskan.



Oleh yang demikian, dengan merujuk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesan Alam Sekitar) 1987, contoh aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan jajahan Pasir Mas adalah perlu mendapatkan kelulusan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar, iaitu:

- **Aktiviti 7** – Pemajuan perumahan meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.
- **Aktiviti 11 (c)** – Pengorekan pasir yang melibatkan kawasan seluas 50 hektar atau lebih.
- **Aktiviti 13** – Pembinaan stesen jana kuasa seperti yang menggunakan bahan api fosil yang melebihi 10 M watt, empangan kuasa hidroelektrik, jana kuasa kitar padu dan yang menggunakan bahan api nuklear.
- **Aktiviti 17 (a)** – Pembinaan kemudahan-kemudahan tempat peranginan atau hotel-hotel yang mempunyai lebih daripada 80 bilik di kawasan pantai.

- ii. **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)** – Akta ini telah diluluskan oleh parlimen pada tahun 1976, yang bertujuan untuk mengadakan keseragaman undang-undang serta kawalan dan peraturan lengkap bagi perancangan bandar dan desa dalam kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia.

Penggubalan akta ini menunjukkan usaha kerajaan untuk memperkenalkan satu rancangan perundangan yang bersistematik di Semenanjung Malaysia. Akta ini khusus berkenaan perancangan bandar dan desa dan tidak lagi menjadi sebahagian daripada perundangan kerajaan tempatan.

Akta ini memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk bertanggungjawab terhadap dasar am berkenaan dengan pemeliharaan, pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan di dalam negeri. Di samping itu, pegawai perancang pihak berkuasa tempatan diberi tugas untuk mengatur, mengawal dan merancang pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasannya.

Menurut Seksyen 19 (1) Akta 172, *“Tiada seorang pun, lain daripada Pihak Berkuasa Tempatan boleh memula, mengusaha, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberi kepadanya...”*. Oleh yang demikian, semua individu, organisasi, perbadanan ataupun badan kerajaan adalah memerlukan kelulusan kebenaran merancang pemajuan seperti yang telah ditaksirkan dalam Akta 172 (Seksyen 2).

Pembangunan atau pemajuan adah ditaksirkan oleh Akta 172 (Seksyen 2), sebagai menjalankan kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya pada, di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya, atau memecah sempadan atau mencantumkan tanah.

Menurut peruntukan Seksyen 5, Akta 172 (dengan pindaan), pihak berkuasa tempatan hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang tempatan bagi kawasan dalam negerinya yang tidak menjadi sebahagian daripada mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Disamping memerlukan kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan untuk sesebuah pemajuan, *“Tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan sesuatu tanah atau bangunan melainkan dengan menurut rancangan tempatan”* [Akta 172 (dengan pindaan) Seksyen 18 (1)]. Oleh yang demikian akta ini boleh ditaksirkan bahawa, pihak berkuasa perancang tempatan juga perlu menggunakan atau memajukan tanah, atau memberikan kebenaran merancang dengan mematuhi peruntukan rancangan tempatan.

- iii. **Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)** – sebuah undang-undang berhubung dengan jalan, parit dan bangunan yang berkuatkuasa di bawah kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan di dalam Malaysia Barat.

Akta 133 telah diluluskan di parlimen pada tahun 1974 melalui peruntukan-peruntukan Fasa (4) Perkara 76, Perlembagaan Negara oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.



Pihak berkuasa tempatan atau sesebuah majlis perbandaran akan menjadikan akta ini sebagai satu statutori untuk mengawal segala bentuk pembangunan fizikal yang dimajukan atau dibangunkan di kawasan yang berada di bawah bidang kuasa mereka.

Sehubungan itu, Akta 133 ini amat penting bagi mengawal pembangunan di perbandaran supaya tidak berlaku perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang. Umumnya, Akta 133 terbahagi kepada lapan (8) bahagian utama dan seratus tiga puluh lima (135) seksyen.

Dalam Akta 133 menjelaskan bahawa kuasa bagi membuat dan mengelokkan jalan adalah terletak di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan dengan persetujuan daripada pihak berkuasa negeri. Ini dapat dijelaskan di Bahagian II Seksyen 5 (d) iaitu, "*pihak berkuasa tempatan boleh, dengan persetujuan pihak berkuasa negeri, melebar, membuka, membesarkan atau dengan cara lain mengelokkan mana-mana jalan awam*".

- iv. **Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)** – Merupakan akta yang dibuat dalam peringkat persekutuan untuk menyeragamkan sistem pentadbiran, pengurusan dan pengawalan tanah di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Secara amnya, akta ini telah mentafsirkan penggunaan tanah, pembangunan dan aktiviti di kawasan laut (3 batu nautika daripada garisan pantai), sungai dan daratan dalam kawasan pentadbiran negeri adalah tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri dan pejabat tanah dengan menurut kepada peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1965 seperti Seksyen 124 (tukar guna tanah & syarat tanah), Seksyen 135 (pecah sempadan tanah), Seksyen 140 (pecah pembahagi tanah), Seksyen 146 (penyatuan tanah), Seksyen 204 B (penyerahan balik dan pemberi milikan semula) dan lain-lain.

Mengikut Seksyen 62 dan 204 D, Kanun Tanah Negara (KTN) pihak berkuasa negeri berkuasa untuk merizabkan taman awam sebagai sebahagian tanah lapang, manakala peruntukan untuk pembangunan dan penyelenggaraan disediakan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta agensi-agensi lain di peringkat negeri dan persekutuan dan disalurkan kepada agensi pelaksana bagi menjalankan pembangunan dan aktiviti berkaitan.

- v. **Akta Perkhidmatan Pembentukan 1993 (Akta 508)** – Sebuah akta untuk meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubung dengan sistem pembentukan dan perkhidmatan pembentukan di seluruh Malaysia bagi membaiki kebersihan dan alam sekitar dan meningkatkan kesihatan awam dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya.

Fasa 15 dalam akta ini telah menjelaskan secara terperinci mengenai kuasa Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pembentukan ke atas pengurusan, pengendalian dan penyelenggaraan.

Manakala Fasa 24 memberi kuasa untuk mengkehendaki premis disambungkan ke sistem pembentukan awam yang terletak dalam lingkungan 30 meter daripada sempadan premis itu.

Indah Water Konsortium Sdn Bhd merupakan syarikat yang diperbadankan sepenuhnya, dimiliki oleh Kementerian Kewangan, Ia adalah syarikat pembentukan nasional yang telah diamanahkan dengan tugas untuk membangunkan dan menyelenggarakan sistem pembentukan yang moden dan efisien untuk semua rakyat Malaysia.

Berkuat kuasa 1 Januari 2008, Indah Water telah diberi tugas oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara di bawah peruntukan Akta 655 Seksyen 174 *Water of Service Industry Act 2006* untuk mengawal serta menguruskan kerja-kerja berkaitan sistem pembentukan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan kecuali Negeri Kelantan.

Dalam mengawal penyediaan sistem pembentukan berpusat, garis panduan telah disyaratkan kepada pemaju yang membangunkan pembangunan melebihi 30 unit kediaman atau penduduk melebihi 150 orang hendaklah menyediakan satu tapak pengolahan berpusat atau lain-lain sistem yang diluluskan oleh pihak berkuasa. Setiap pembangunan kemudahan pembentukan hendaklah menyediakan zon penampungan yang mencukupi mengikut persetujuan pihak IWK.

- vi. **Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171)** – Kerajaan tempatan di Malaysia merupakan kerajaan di peringkat paling rendah dalam sesebuah sistem



kerajaan di Malaysia. Badan ini memiliki kuasa untuk mengenakan cukai yang terhad seperti cukai pintu. Selain itu, agensi kerajaan ini boleh menguatkuasakan undang-undang kecil kepada penduduk yang berada dalam kawasan pentadbiran mereka.

Lazimnya, pegawai tertinggi dalam kerajaan tempatan dipanggil Datuk Bandar bagi bandar berstatus bandar raya, manakala Yang Dipertua Majlis atau Presiden bagi kawasan perbandaran dan juga majlis-majlis daerah.

#### **Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan**

- **Pengisytiharan dan penetapan taraf kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan**

Untuk pentadbiran kerajaan tempatan yang tertakluk di bawah akta ini, pihak berkuasa negeri berunding dengan menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya boleh membuat pemberitahuan dalam warta seperti mengisytiharkan mana-mana kawasan dalam negeri itu menjadi suatu kawasan pihak berkuasa tempatan, memberi nama kepada pihak berkuasa tempatan itu, menentukan sempadan-sempadan bagi pihak berkuasa tempatan, dan menetapkan taraf pihak berkuasa tempatan bagi kawasan pihak berkuasa tersebut dan taraf itu adalah taraf majlis perbandaran atau majlis daerah.

Seksyen 3 Akta 171 ini menunjukkan pihak berkuasa tempatan berhak atau berkuasa untuk melakukan atau menjalankan pembangunan terhadap kawasan yang ditadbirnya bergantung kepada keperluan semasa.

#### **Tempat-tempat Awam**

- **Kuasa untuk mewartakan tempat awam**

Sesebuah pihak berkuasa tempatan boleh mengadakan, membina, menyusun atur atau mengkhaskan tempat-tempat awam baru, dan melebar, membuka, membesar, atau memajukan mana-mana tempat awam dengan memberi pampasan yang wajar mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis kepada pemunya dan penduduk mana-mana tanah, rumah atau bangunan yang dikehendaki bagi mana-mana maksud tersebut atau yang terjejas dengan pembangunan yang terpaksa dilakukan.

Seksyen 64 Akta 171 ini memberikan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk membangunkan sesebuah kawasan dengan elemen guna tanah kemudahan masyarakat ataupun pembangunan untuk orang awam dengan pampasan yang akan diberikan kepada pemunya tanah milik persendirian.



- **Menamakan tempat-tempat awam**

Sesebuah pihak berkuasa tempatan boleh dengan kelulusan pihak berkuasa negeri untuk menetapkan nama sesebuah tempat awam atau taman perumahan atau skim perumahan dan mempunyai kuasa daripada semasa ke semasa mengubah nama tempat awam, taman perumahan atau skim perumahan atau mana-mana bahagiannya, sama ada atau tidak nama itu telah digunakan bagi tempat, taman atau skim itu sebelum mula berkuatkuasanya akta ini.

Seksyen 68 Akta 171 ini membolehkan pihak berkuasa tempatan untuk memberi nama kepada sesebuah kawasan sama ada belum atau sedang atau pun telah dibangunkan berdasarkan kesesuaian kawasan tersebut.

#### 2.1.9 Garis Panduan Berkaitan

Terdapat beberapa garis panduan berkaitan yang boleh dijadikan panduan dalam penghasilan Pelan Induk Lanskap Majlis Daerah Pasir Mas ini antaranya :

- i. Garis Panduan Reka Bentuk Bandar
- ii. Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Taman Tema (*Theme Park*)
- iii. Garis Panduan Kawasan Kolam Takungan Sebagai Sebahagian Tanah Lapang
- iv. Garis Panduan Perancangan Kawasan Tanah Lapang dan Rekreasi
- v. Garis Panduan Perintah Pemeliharaan Pokok
- vi. Garis Panduan Landskap Jalan Raya
- vii. Garis Panduan Landskap Negara
- viii. Garis Panduan Penebangan / Pengalihan Pokok – DBKL
- ix. Garis Panduan Penanaman Pokok Teduhan
- x. Garis Panduan Penanaman Pokok di Bawah Kabel
- xi. Garis Panduan Pembangunan Tepi Sungai dan MSMA

## 2.2 RUMUSAN

Bab Pelaksanaan Dasar Pembangunan ini bertujuan untuk membuat penilaian bagi mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai dan menepati ciri-ciri yang menonjolkan bagi mewakili landskap kawasan tersebut disamping meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan kawasan kajian. Pelaksanaan dasar ini adalah penting dalam usaha untuk menyediakan kemudahan landskap yang berpandukan garis panduan dan spesifikasi yang betul dan bersesuaian dengan keperluan sekeliling supaya dapat memelihara sistem ekologi, flora dan fauna.

Reka bentuk landskap yang dicadangkan hendaklah berjaya mewujudkan suasana yang selesa dan menyegarkan serta sesuai untuk aktiviti aktif dan pasif kepada pengguna. Perancangan pembangunan landskap yang mengikut garis panduan dan menepati rancangan struktur negeri dapat mewujudkan identiti dan imej yang signifikan dengan sesuatu kawasan kajian.

Selain itu, agensi swasta dan badan-badan kerajaan dapat merujuk maklumat berkaitan dasar-dasar, rancangan fizikal negara, rancangan struktur negeri, rancangan tempatan daerah, akta-akta berkaitan, dan garis panduan pembangunan landskap sebelum mereka bentuk landskap di sesebuah kawasan.